

PM: Menghapuskan pengganas bukan hanya melalui senjata

UM 2 2 SEP 2001

ALOR SETAR 21 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata usaha menghapuskan pengganas bukan hanya melalui senjata semata-mata tetapi perlu melihat kepada punca bagaimana untuk menyelesaikan penindasan terhadap umat Islam seluruh dunia.

Beliau memberi contoh di Palestin bagaimana rakyat negara tersebut dibunuh dengan kejam setiap hari dan keganasan itu dilakukan secara tersusun dengan menggunakan senjata yang canggih.

Malangnya, kata Dr. Mahathir, rakyat Palestin tidak mampu untuk mempertahankan diri mereka kerana tiada

senjata canggih seperti lawannya.

“Sebab itu kita melihat mereka (pejuang Palestin) sanggup meletupkan diri mereka kesan tindakan ganas yang dilakukan oleh musuhnya,” ujar beliau ketika berucap pada majlis pelancaran Pelan Tindakan Kedah Maju 2010, di Wisma Darulaman di sini hari ini.

Beliau turut menarik perhatian, penindasan terhadap rakyat Palestin, Bosnia dan Chechen serta lain-lain negara perlu dihapuskan jika dunia tidak mahu melihat wujud lagi keganasan.

“Apabila tidak ada penindasan seperti ini, barulah kita

dapat mengatasi masalah keganasan kerana tindakan memburu pengganas sahaja tidak akan memberi hasil yang sepenuhnya,” kata beliau.

Selepas peristiwa yang berlaku di New York dan Washington pada 11 September lalu, Dr. Mahathir berharap agar tumpuan perlu diberi bagi menyelesaikan masalah-masalah yang menyebabkan perasaan marah di kalangan sesetengah orang hingga mereka sanggup meletupkan diri dan bangunan.

■ Lihat muka 4

PM: Menghapuskan pengganas bukan hanya melalui senjata

UM 2 2 SEP 2001

Beliau juga berkata bahawa tragedi yang berlaku di AS itu tidak menguntungkan sesiapa, sebaliknya yang akan berlaku ialah pertempuran yang hebat yang mungkin membunuh lebih ramai orang.

Malaysia, kata Dr. Mahathir tidak bersetuju sekiranya rakyat dan negara-negara yang tidak terbabit dengan keganasan dijadikan sasaran serangan oleh Amerika Syarikat (AS) dalam usahanya memburu pengganas yang menyerang kedua-dua bandar rayanya minggu lalu.

Perdana Menteri menyatakan, walaupun Malaysia menyokong tindakan untuk memburu kumpulan pengganas dan menghentikan keganasan di muka bumi ini, negara ini tidak mahu rakyat dan negara yang tidak bersalah menjadi mangsa.

“Sementara kita menyokong tindakan memburu pengganas, pada masa yang sama juga kita tidak bersetuju dengan penggunaan kekerasan untuk sesuatu perjuangan,” kata Dr. Mahathir.

Beliau menegaskan, walaupun Malaysia tidak bersetuju dengan cara keganasan untuk menyelesaikan masalah, tetapi jika tidak ada saluran menyelesaikannya, maka tidak dapat tidak, akan ada orang yang mengambil tindakan keterlaluan dan ekstrem serta menyokong tindakan seperti itu.

“Tetapi masalah mestilah diselesaikan...sebab-sebab mengapa ada orang yang sanggup mengambil pendekatan secara ganas ini,” katanya.

Semalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Perancis memberi amaran kepada AS bahawa negara itu akan terperangkap jika menjadikan negara Arab dan umat Islam sebagai sasaran.

Reuters pula semalam turut melaporkan Pentagon mengarahkan lebih 100 pesawat perang AS ke Asia Barat dan Lautan Hindi sebagai persiapan untuk membalas serangan pengganas di negara itu minggu lepas.